

HARI : JUMAAT
TARIKH : 11/10/2019
M/SURAT : 39A

KPDNHEP sumbang hasil RM506j

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyumbang RM506 juta kepada hasil negara dari 2015 hingga 2019.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abdul Aziz berkata, jumlah berkenaan diperoleh melalui sitaan barang kes, kompaun dan lucut hak.

"Sehubungan itu, kami harap 74 kenderaan baharu bernilai RM5.9 juta mampu memperkasakan kekuatan dan kecekapan agensi penguatkuasaan terbabit," katanya.

Beliau bercakap kepada media pada majlis penyerahan kenderaan baharu kepada negeri dan cawangan KPDNHEP di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim dan Pengarah Urusan Jualan Perodua, Zahari Hussin.